



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **REFORMASI 90 KE 30 HARI: KSN PUJI INISIATIF CEKAP KEMENTERIAN PERPADUAN**

---

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, hari ini merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara atas kejayaan melaksanakan inisiatif pengurangan kerenah birokrasi menerusi Program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB).

Projek utama yang dilaksanakan adalah **mempercepat proses penilaian dan pemilihan Rukun Tetangga (RT) Progresif daripada 90 hari kepada hanya 30 hari**, sekaligus membuktikan komitmen Kementerian dalam mempermudah urusan serta meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada rakyat. RT Progresif diinisiatifkan oleh Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bermula pada tahun 2024 yang menyumbang kepada pembangunan komuniti RT yang lebih responsif, berinovatif, dinamik, berdaya tahan dan berimpak tinggi selaras dengan aspirasi Kerajaan membangunkan Masyarakat MADANI.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif ini memperlihatkan kesungguhan dan iltizam tinggi Kementerian Perpaduan Negara dalam memastikan peraturan dan prosedur sentiasa dikemas kini agar kekal relevan, produktif dan efektif. Usaha ini selari dengan matlamat Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024–2030 yang menekankan nilai-nilai tadbir urus unggul, peningkatan keberkesanan perkhidmatan serta pemerkasaan peranan sektor awam dan komuniti.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Menurut Tan Sri Shamsul Azri, kejayaan ini boleh dijadikan penanda aras dan pemangkin perubahan kepada kementerian lain dalam mempercepat pelaksanaan reformasi bagi memperkukuh sistem penyampaian kerajaan. Ia juga menunjukkan bagaimana pendekatan berfokus dan berorientasikan rakyat mampu melonjakkan prestasi perkhidmatan awam secara menyeluruh.

Kementerian Perpaduan Negara kekal komited menyahut aspirasi Kerajaan MADANI dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, inklusif dan berpaksikan rakyat melalui reformasi yang bersifat sistemik dan lestari.

**Kementerian Perpaduan Negara**

23 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (54)